

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN LEE CHUAN HOW [IPOH TIMOR]
TARIKH : 4 MAC 2024 (ISNIN)

SOALAN

Tuan Lee Chuan How [Ipoh Timor] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan apakah dasar, halatuju dan inisiatif Kerajaan dalam mempercepat peralihan tenaga boleh baharu bagi industri pengangkutan awam dan logistik, khususnya berkenaan prasarana pengecasan dan penggantian bateri (*battery swapping*).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Beberapa Kementerian dan agensi berkaitan sedang bekerjasama untuk mempercepat peralihan tenaga boleh baharu bagi industri pengangkutan awam dan logistik melalui pelaksanaan dasar, halatuju dan pelbagai inisiatif, termasuklah penyediaan prasarana pengecasan dan teknologi penggantian bateri (*battery swapping*).
2. Kerajaan juga melalui Pasukan Petugas EV Kebangsaan (*EV Taskforce*) dan Jawatankuasa Pemandu EV Kebangsaan komited dalam merangka dan melaksanakan program untuk memangkin agenda pembangunan industri EV negara. Satu piawaian kebangsaan bagi pertukaran bateri (*battery swapping*) sedang dibangunkan merangkumi aspek teknologi, fungsi dan keselamatan bagi memastikan teknologi *battery swapping* adalah selamat, menepati standard ditetapkan, berkualiti tinggi dan mesra alam.
3. Penggunaan tenaga lebih bersih dalam sektor pengangkutan telah digariskan dalam Dasar Pengangkutan Negara (DPN) 2019-2030, *Low Carbon Mobility Blueprint (LCMB)* dan *National Energy Transition Roadmap (NETR)*. Sebanyak 10,000 stesen pengecas kenderaan elektrik (EV) disasarkan untuk dibangunkan menjelang tahun 2025 di sepanjang lebuh raya dan di bangunan komersial terpilih dengan kerjasama pelbagai rakan strategik. Bagi memantau status pelaksanaan sasaran ini, sebuah *online dashboard* iaitu Rangkaian Pengecasan Kenderaan Elektrik Malaysia (*Malaysia EV Charging Network - MEVnet*) telah dibangunkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dengan kerjasama Kementerian Alam Sekitar dan Kelestarian Alam (NRES). Berdasarkan data MEVnet, terdapat sebanyak 2,020 stesen pengecas EV awam telah dibangunkan setakat bulan Januari 2024. Daripada jumlah tersebut, 1,591 adalah jenis *alternating current (AC)* manakala 429 adalah jenis *direct current (DC)*.

4. Bagi mempercepat peralihan tenaga boleh baharu dalam sektor pengangkutan, beberapa inisiatif berimpak tinggi telah digariskan di bawah *National Energy Transition Roadmap (NETR)* melibatkan kerjasama pelbagai Kementerian iaitu:

- i. Meningkatkan mod pengangkutan awam kepada 40% menjelang 2040 dan 60% menjelang 2050;
- ii. Meningkatkan penjimatan bahan api kenderaan ringan (*fuel economy*);
- iii. Mempercepatkan elektrifikasi segmen kenderaan ringan (2 roda & 4 roda);
- iv. Melaksanakan mandat campuran biodiesel B30;
- v. Memperkenalkan *future powertrains* untuk kenderaan berat;
- vi. Mewujudkan pelan nyahkarbon bagi pengangkutan udara (*overarching aviation decarbonisation roadmap*);
- vii. Melaksanakan mandat campuran *Sustainable Aviation Fuel (SAF)*; dan
- viii. Mensasarkan penggunaan bahan api rendah karbon sebanyak 40% menjelang 2050 dalam pengangkutan marin.

Sekian, terima kasih.